

Percepat aliran air

Pekan: Pembinaan parit di atas beting pasir sepanjang 50 meter di Kuala Tanjung Agas di sini, semalam bagi mempercepatkan aliran air banjir ke laut.

Usaha itu perlu dilakukan segera bagi memastikan paras air di daerah ini menurun dan tidak bertahan terlalu lama hingga menimbulkan pelbagai masalah kepada mangsa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya Datuk Sh Mohmed Puzi Sh Ali berkata, keputusan membina parit dibuat selepas mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang pakar dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, pembinaan parit hanya sementara bertujuan memastikan paras air banjir di daerah ini dapat diturunkan secara berperingkat.

Katanya, kini paras air banjir di daerah ini di peringkat bertahan berikutan air dari beberapa daerah turun dan berkumpul me-

nyebabkan mangsa tidak dapat pulang ke rumah masing-masing.

“Projek membina terusan di atas beting pasir di Kuala Tanjung Agas dilakukan awal tahun ini yang menelan belanja lebih RM2 juta, namun dalam tempoh tidak sampai dua bulan pasir kembali menutup laluan air dari Sungai Pahang ke laut.

“Faktor arus laut dan ombak besar menjadi penyumbang utama kepada pembentukan beting pasir yang menghalang aliran air Sungai Pahang ke laut yang berlaku sejak sekian lama,” katanya selepas meninjau pembinaan parit menggunakan jengkaut terapung yang mengambil masa lebih lima jam, semalam.

Hadir sama Pegawai Daerah Pekan Datuk Mohd Fadzli Mohd Kenali.

Beliau berkata, operasi meletupkan beting pasir turut dilakukan pada 2007 ketika banjir besar berlaku di daerah ini, tetapi tindakan itu hanya bersifat sementara.